

NAMA : ..... TINGKATAN : ..... TARIKH : .....



## ADAB BERJIHAD

### Soalan aneka pilihan

- 1 Pengertian jihad menurut Islam ialah berusaha.....
  - A untuk mencari keredhaan Allah dan menegakkan syiar Islam
  - B dengan sedaya upaya untuk mencapai cita-cita
  - C dan berkorban apa sahaja
  - D untuk kemajuan
  
- 2 Jihad yang utama dalam Islam ialah perjuangan...
  - A membasmi penyalahgunaan dadah
  - B menuntut kemerdekaan negara
  - C membanteras gejala sosial
  - D menegakkan agama Allah
  
- 3 Matlamat asas jihad ialah
  - A meningkatkan produktiviti
  - B menegakkan agama Allah
  - C mencapai objektif yang dirancang
  - D merancang mengikut keutamaan hidup
  
- 4 Jihad membaiki diri dikira penting kerana ia adalah
  - A sebagai persediaan untuk menghadapi peringkat jihad yang lain
  - B jihad yang boleh dilakukan setiap orang
  - C jihad yang mudah dilakukan
  - D matlamat jihad yang utama
  
- 5 Manakah perkara berikut **bukan** peringkat jihad.
  - A Jihad menambah harta
  - B Jihad melawan syaitan
  - C Jihad menghapuskan kezaliman
  - D Jihad mengorbankan jiwa dan harta
  
- 6 Manakah **bukan** perkara yang dituntut dalam berjihad ?
  - A Mengasihi harta benda
  - B Disiplin yang tinggi
  - C Kesungguhan
  - D Istiqamah

- 7 Manakah **bukan** faktor yang menyebabkan semangat jihad semakin pudar.
- A Leka dengan kesenangan dunia
  - B Tidak memahami tuntutan jihad
  - C Tidak memahami kelebihan jihad
  - D Melakukan ibadat-ibadat sunat
- 8 Semangat jihad boleh disemarakkan dengan pelbagai cara **kecuali**
- A memberi latihan kemahiran vokasional kepada muda mudi
  - B menambah ilmu pengetahuan tentang jihad
  - C sentiasa melakukan ibadat-ibadat sunat
  - D mengkaji kisah para pejuang terdahulu
- 9 Antara peringkat jihad ialah jihad melawan syaitan. Yang manakah termasuk dalam peringkat ini?
- I Jauhi makanan yang diharamkan
  - II Tidak melakukan kebaikan secara berterusan
  - III Melawan dan menghapuskan keraguan dan was-was
  - IV Jauhkan diri dari menurut hawa nafsu dan perkara maksiat
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV
- 10 Antara yang berikut manakah yang merupakan kepentingan sifat istiqamah dan iltizam dalam perjuangan?
- I Memupuk semangat juang yang tinggi dalam diri
  - II Melahirkan umat Islam yang gagah berani
  - III Melahirkan pejuang yang berdisiplin tinggi
  - IV Boleh bekerjasama dalam pasukan
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan III
  - D II dan IV
- 11 Bagaimanakah cara seseorang itu berjihad pada jalan Allah swt menurut pandangan Islam?
- I Beriltizam dan beristiqamah
  - II Sanggup berkorban apa sahaja
  - III Berjihad seorang diri dengan bersungguh-sungguh
  - IV Ikhlas berjuang untuk mendapatkan keredhan Allah swt
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D II, III dan IV

12 Jihad utama yang telah digariskan oleh ulama Islam ialah

- A jihad tingkatkan ilmu
- B jihad melawan syaitan
- C jihad mempertahankan Islam
- D jihad mempertahankan negara

13.

Antara peringkat jihad ialah berjihad memperbaiki diri.

Bagaimanakah cara untuk memperbaiki diri?

- A Bakhil terhadap ilmu
- B Berhati-hati menyebarkan Islam
- C Mempelajari ajaran Islam dan mengamalkannya
- D Mengamalkan ajaran yang sesuai dengan diri sendiri

14. Jihad melawan orang munafik boleh dilakukan dengan

- A hati dan lidah
- B tegahan dan denda
- C lidah dan perbuatan
- D teguran dan tindakan

### Soalan isi tempat kosong

1 \_\_\_\_\_ ialah berusaha untuk mencari keredhaan Allah dan menegakkan syiar Islam dengan segala kemampuan yang ada.

2 Allah S.W.T. berjanji akan mengangkat \_\_\_\_\_ orang yang berjihad di jalanNya.


3 Sanggup \_\_\_\_\_ apa saja adalah antara adab berjihad.

4 Allah SWT menyediakan \_\_\_\_\_ yang terbentang luas sebagai balasan kepada orang yang berjihad.

5 Nikmat iman dan \_\_\_\_\_ yang dirasakan hari ini adalah hasil perjuangan dan pengorbanan para sahabat.

6 Perjuangan untuk menegakkan agama Allah memakan \_\_\_\_\_ yang panjang dan penuh rintangan.


Lengkapkan jadual dibawah dengan sempurna



9. Dalam menjayakan misi jihad, perjuangan Islam perlu dilaksanakan secara \_\_\_\_\_.

**Soalan 10 – 12 berkaitan peta minda**

Nyatakan perkara yang berkaitan dengan peringkat – peringkat jihad dalam petak kosong yang berikut:



**BAHAGIAN B**

1. Umat Islam diwajibkan berjihad ke jalan Allah.
  - (i) Jelaskan **dua** keadaan yang mewajibkan umat Islam berjihad. [ 4 markah ]
  - (ii) Huraikan **tiga** akibat lari daripada medan perang. [ 6 markah ]
  
2. Jihad atau perjuangan menegakkan agama Allah S.W.T. di muka bumi sangat dituntut oleh Islam.
  - (i) Nyatakan bahagian jihad. [ 2 markah ]
  - (ii) Jelaskan **dua** adab orang yang berjihad. [ 4 markah ]
  - (iii) Terangkan **dua** faktor yang boleh menghilangkan semangat jihad. [ 4 markah ]



SOALAN :

Berdasarkan gambar di atas,  
sebagaimana seorang muslim bagaimana hendak mengatasi godaan tersebut?

**SOALAN TAMAT**